


Projek kabin pengeringan tingkat taraf ekonomi komuniti nelayan Papar

New Sabah Times

27 November 2018



NEW SABAH TIMES
Sabah's First Established Paper

27th November 2018, Tue 10:14:06 am

Profile To Subscribe To Advertise Contacts

NEWS CATEGORIES

- Local
- Business
- Sports
- Leisure
- BM
- Kadazan Dusun
- EDUCATION
- ECO
- Archives
- Latest News

mbilan claim Malaysia Lawn Bowl crown | Sabah Eagles win nail-biting final

BM

Projek kabin pengeringan tingkat taraf ekonomi komuniti nelayan Papar

26th November, 2018

PAPAR: Masyarakat nelayan Kampung Mandahan di sini dijangka menerima rangsangan ekonomi dan pembangunan kapasiti melalui pelaksanaan projek kabin pengeringan yang dilaksanakan oleh Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM).

Naib Presiden Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Hal Ehwal Korporat Kumpulan TPM Zulkifli Fitri Ismail berkata, projek kabin pengeringan tersebut yang juga dibangunkan di Kemaman, Terengganu, adalah sebahagian daripada beberapa projek pembangunan kapasiti dan keterangkuman kewangan yang digerakkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Program Pemerkasaan Komuniti (CEP).

Melalui inisiatif itu, katanya, TPM sebagai sebuah agensi pembangunan berasaskan teknologi dan inovasi, membangunkan kemudahan infrastruktur berinovasi dengan objektif meningkatkan produktiviti ekonomi komuniti dan seterusnya, meningkatkan pendapatan isi rumah komuniti.

"Hasil kajian kebolehlaksanaan, yang dijalankan untuk memastikan keperluan komuniti dan kaedah penyelesaiannya yang inovatif dapat dipadankan, menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan masyarakat di dua komuniti iaitu di Papar, Sabah dan Kemaman, Terengganu dapat dilaksanakan jika intervensi teknologi dan inovasi dalam membantu rantaian nilai pengeluaran hasil diperkenalkan" katanya dalam kenyataan kelmarin.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek itu mengikut objektifnya, Zulkifli berkata, komuniti berkenaan akan terus dibimbing dalam dua aspek pembangunan kapasiti iaitu aspek teknologi dan peningkatan kualiti pengeluaran, dan menerusi institusi kewangan dan agensi sokongan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang akan menjalankan program bimbingan pengurusan kewangan secara efisien bagi meningkatkan keterangkuman kewangan, khususnya dalam kalangan komuniti B40.

"Gabungan strategik antara institusi-institusi kewangan dengan keupayaan inovasi sosial TPM telah menyediakan saluran bagi pemberdayaan taraf ekonomi komuniti segmen berpendapatan rendah melalui suntikan teknologi," katanya.

Beliau berkata pusat pengeringan itu dijangka mempercepatkan tempoh pengeringan ikan bilis daripada 70 jam kepada empat jam, sementara pengeringan ikan akan berkurangan kepada tujuh jam.

"Berbanding proses tradisional, kabin pengeringan membolehkan nelayan menikmati kualiti ikan dan ikan bilis yang lebih tinggi. Ia juga menawarkan kapasiti lebih besar sehingga 500 kilogram atau setengah tan ikan bilis yang dikeringkan pada satu-satu masa.

"Impak menggunakan kabin pengeringan akan membolehkan setiap nelayan meningkatkan purata pendapatan bulannya daripada RM400 kepada RM1,200, iaitu tiga kali ganda berbanding kaedah tradisional," katanya.

Selain itu, Zulkifli berkata nelayan akan menikmati aliran pendapatan yang berterusan walaupun semasa musim hujan. Beliau berkata usaha itu selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan komuniti dengan pendekatan tersasar melalui bantuan secara holistik oleh pelbagai agensi.

Menurutnya, TPM sentiasa bersedia untuk bekerjasama atau membantu agensi lain dalam inisiatif memperkasakan komuniti melalui penggunaan teknologi, inovasi dan automasi proses pengeluaran bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan isi rumah komuniti dan terus berazam menjayakan Program Pemerkasaan Komuniti.

Sehubungan itu, Zulkifli berkata TPM mempelawa agensi kerajaan, sektor swasta atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk saling bekerjasama bagi melaksanakan program pemerkasaan komuniti dengan menggunakan pendekatan intervensi teknologi dan inovasi.

ACTION LINE

Now, you can also channel your complaints or grievances to Actionline through our E-Mail

You may write to: ActionLine, New Sabah Times, P.O. Box No 15141, 88861 Kota Kinabalu, Sabah.

NEW SABAH TIMES
Sabah's First Established Paper